

D517

U B506 DEB  
MAHATHIR - KEMISKINAN R R R

KUALA LUMPUR, 12 SEPT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA SATU ANALISIS MENDALAM PERLU DIBUAT UNTUK MENENTUKAN SEBAB-SEBAB KEMISKINAN MASIH WUJUD DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA WALAUPUN KERAJAAN TELAH BERJAYA MENGURANGKAN TAHAP KEMISKINAN KEPADA 18 PERATUS PADA TAHUN 1984 BERBANDING DENGAN 49.3 PERATUS PADA TAHUN 1970, TETAPI BERBANDING DENGAN USAHA DAN PERUNTUKAN YANG DIBUAT, HASILNYA TIDAKLAH SEPERTI YANG DIHARAP-HARAPKAN.

+SALAH SATU DARIPADA MASALAH YANG MENYEKAT KEJAYAAN SEPENUHNYA USAHA-USAHA MEMBASMI KEMISKINAN IALAH PENERIMA BANTUAN TIDAK MAHU ATAU TIDAK DAPAT MENGGUNAKAN BANTUAN DENGAN BERKESAN KERANA KURANG KECEKAPAN ATAU KURANG MINAT,+ KATANYA SEMASA MERASMIKAN KONVENSYEN KEMISKINAN KEBANGSAAN DAN PELANCARAN PANDUAN TINDAKAN KAMPUNG ANGKAT ANJURAN PEMUDA UMNO.

SERAMAI 500 ORANG TERDIRI DARIPADA ANGGOTA PERGERAKAN ITU SERTA KETUA-KETUA JABATAN DAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN MENGHADIRI KONVENSYEN SEHARI ITU.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEMISKINAN DI MALAYSIA TIDAKLAH PADA TAHAP ADA RAKYATNYA YANG MERANA KERANA KEBULURAN. -- LAGI.

1150MST 12 09 87

U B509 DEB  
MAHATHIR - KEMISKINAN 2 KUALA LUMPUR R R R

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGAKUI BAHAWA TERDAPAT GOLONGAN MISKIN YANG TIDAK ADA PENDAPATAN LANGSUNG DAN TERPAKSA MEMINTA SEDEKAH TETAPI BILANGAN MEREKA ADALAH KECIL.

+YANG LAINNYA ADALAH MISKIN SECARA RELATIF IAITU MISKIN JIKA DIBANDINGKAN DENGAN YANG KAYA,+ KATANYA.

KATANYA 18 PERATUS RAKYAT YANG TERGOLONG DALAM LINGKUNGAN KEMISKINAN DI NEGARA INI TIDAK MENGALAMI LAPAR HINGGA MEMBAWA MAUT ATAU TIDAK DAPAT SEBARANG KEMUDAHAN ASAS SEPERTI PERSEKOLAHAN, PERUBATAN ATAU PENGANGKUTAN.

+YANG MISKIN DI NEGARA INI MASIH LAGI BOLEH MENGECAP SEDIKIT SEBANYAK KEMUDAHAN HIDUP YANG ASAS DAN DAPAT MENGECAP SEDIKIT SEBANYAK KEMUDAHAN YANG DISEDIAKAN OLEH KERAJAAN,+ KATANYA.

KATANYA BERMULA DARI RANCANGAN MALAYSIA KEDUA ANTARA TAHUN 1971 HINGGA 1975 SEHINGGALAH SEKARANG, KONSEP KEMISKINAN DAN STRATEGI UNTUK MENGATASINYA TELAH SERING DIHALUSI, DIUBAHSUAI DAN DIPERBAIKI DENGAN TUJUAN UNTUK MEMBAWA KESEJAHTERAAN UNTUK RAKYAT. -- LAGI.

1159MST 12 09 87

D527

U B512 DEB  
MAHATHIR - KEMISKINAN 3 KUALA LUMPUR R R R

STRATEGI-STRATEGI MEMBASMI KEMISKINAN TELAH LEBIH DITUJUKAN KE KAWASAN-KAWASAN LUAR BANDAR KERANA KADAR KEMISKINAN DI SITU LEBIH TINGGI, KATANYA.

PADA MASA YANG SAMA KEMISKINAN DI BANDAR JUGA DIBERI PERHATIAN OLEH KERAJAAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN SENTIASA MENKKAJI KEBERKESANAN PROGRAM-PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN DENGAN MEMBUAT PENGUBAHSUAIAN CORAK DAN STRATEGI DARI MASA KE MASA.

BAGAIMANAPUN, KATANYA CIRI-CIRI ASAS SEPERTI PENTINGNYA PENINGKATAN PRODUKTIVITI DAN PENDAPATAN, PENCEBURAN DALAM SEKTOR MODEN DAN KEGIATAN YANG LEBIH PRODUKTIF DAN MENGUNTUNGAN, PEWUJUDAN PELUANG PEKERJAAN SERTA PENYEDIAAN KEMUDAHAN ASAS DAN SOSIAL UNTUK MENINGKATKAN MUTU KEHIDUPAN RAKYAT TERUS DIKEKALKAN.

KATANYA, WALAUPUN ADA KEJAYAAN TETAPI MASIH RAMAI YANG KEKAL DALAM KEMISKINAN MEREKA. -- LAGI.

1206MST 12 09 87

D532

U B513 DEB

MAHATHIR - KEMISKINAN 4 KUALA LUMPUR R R R

+APAKAH SEBABNYA YANG TINDAKAN DAN USAHA KERAJAAN TIDAK BEGITU BERHASIL ATAU APAKAH ADA SESUATU YANG TERSALAH DALAM STRATEGI KITA?+ KATANYA.

UNTUK MENJAWAB SOALAN INI, PERDANA MENTERI BERKATA SEMUA PIHAK HARUS MENGANALISIS SEBAB-SEBAB KENAPA ADA KEMISKINAN DAN KEKAYAAN, KENAPA ADA BANGSA YANG MISKIN DAN ADA BANGSA YANG KAYA, DAN KENAPA ADA NEGARA YANG KAYA DENGAN SUMBER ALAM TETAPI MISKIN DAN ADA PULA NEGARA YANG MISKIN DENGAN SUMBER ALAM TETAPI KAYA.

+TANPA MENGETAHUI SEBAB-SEBAB KEMISKINAN BERLAKU, SEGALA USAHA UNTUK MEMBASMI KEMISKINAN MUTLAK AKAN GAGAL,+ KATANYA.

MENYEDARI HAKIKAT BAHAWA BANTUAN JANGKA PANJANG LEBIH BERKESAN DARI PERTOLONGAN SEGERA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KERAJAAN TELAH CUBA MEMPERKENALKAN CARA PERTANIAN MODEN, MENCUBA PERLADANGAN BERKELOMPOK, MENDIRIKAN INDUSTRI KECIL, MENUBUHKAN KOPERASI YANG MEMASARKAN BAJA SERTA KEPERLUAN PERTANIAN LAIN.

+MENAMBAHKAN LAGI BANTUAN, SEDANGKAN SEBABNYA BUKANLAH KERANA KURANG BANTUAN, TIDAK AKAN MENDATANGKAN HASIL YANG BERTAMBAH,+ KATANYA. -- LAGI.

1227MST 12, 09 87

D535

U B516 DEB

MAHATHIR - KEMISKINAN 5 KUALA LUMPUR R R R

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA USAHA-USAHA MEMBASMI KEMISKINAN TIDAK AKAN BERJAYA JIKA IA DISERAHKAN SEMATA-MATA KEPADA KERAJAAN.

+SI MISKIN JUGA MEMPUNYAI TANGGUNGJAWAB MEMPERBAIKI NASIBNYA,+ KATA BELIAU.

KATANYA SESEBUAH NEGARA YANG BUMINYA PENUH DENGAN EMAS DAN PERAK SERTA JUGA SUBUR TETAP AKAN MUNDUR JIKA RAKYATNYA HANYA BERHARAP KEPADA PERTOLONGAN PIHAK LAIN.

+NEGARA DAN MASYARAKAT YANG BERSEMANGAT, RAJIN DAN SANGGUP MENCUBA DAN MENGHADAPI CABARAN TETAP AKAN BERJAYA DAN MAJU,+ KATANYA.

PERDANA MENTERI MEMUJI SIKAP BERTANGGUNGJAWAB YANG DITUNJUKKAN OLEH PEMUDA UMNO DALAM MENGANJURKAN KONVENSYEN ITU SAMBIL BERJANJI BAHAWA KERAJAAN AKAN MENELITI PENDAPAT DAN RUMUSAN YANG AKAN DIBUAT.

SEBELUM ITU, PEMANGKU KETUA PEMUDA UMNO, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK BERKATA PERGERAKAN ITU TELAH MENGENAL PASTI 113 KAMPUNG MISKIN DI SELURUH NEGARA UNTUK DIJADIKAN +ANAK ANGKAT+ PEMUDA UMNO.

DI BAWAH PROJEK ITU, PERGERAKAN ITU AKAN MENDAPATKAN BANTUAN BEBERAPA JABATAN DAN AGENSI KERAJAAN MENUMPUKAN KEGIATAN MEREKA DI KAMPUNG-KAMPUNG ITU.

PARA PEMIMPIN PEMUDA UMNO JUGA AKAN BERTINDAK MEMBERI SEMANGAT KEPADA PARA PENDUDUK KAMPUNG-KAMPUNG BERKENAAN DENGAN TUJUAN MENGGALAKKAN MEREKA HIDUP LEBIH BERDIKARI DAN MENGGUNAKAN SEPENUHNYA SUMBER-SUMBER YANG ADA DI TEMPAT MEREKA. -- BERNAMA.

1240MST 12 09 87